

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

HSA 101 – Pengantar Sejarah

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Bahagian A

Jawab DUA soalan sahaja.

1. "Sejarah adalah suatu bidang yang bersifat ilmiah." Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada pandangan R.G. Collingwood dan E.H. Carr.
2. Bandingkan karya Thucydides dengan karya Herodotus dari segi pengertian sejarah, motif penulisan, penggunaan sumber dan ruang lingkup.
3. Sejak 1890an persoalan objektiviti telah mencetuskan kontroversi di kalangan ahli sejarah seperti Carl Becker, Charles Beard dan E.H. Carr. Huraikan hujahan-hujahan yang menjadi teras kontroversi itu.
4. Sejauh manakah karya Tuhfat al-Nafis masih tergolong dalam kategori pensejarahan Melayu tradisional.

Bahagian B

Jawab DUA soalan sahaja.

5. Takrifkan apakah itu bahan-bahan sastera sejarah? Huraikan lima bahan sastera sejarah dalam *Sejarah Melayu* dan bincangkan pentingnya dalam memahami sosio-politik masyarakat Melayu.
6. Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai bincangkan pentingnya karya-karya Munshi Abdullah sebagai sumber pensejarahan sosial.
7. Huraikan konsep sejarah yang dianjurkan oleh Ranke dan bincangkan kedudukannya dalam perkembangan pensejarahan dunia Barat.
8. Analisis perkembangan pensejarahan Melayu moden dari awal kurun ke-20 hingga dekad 1940an dengan merujuk kepada penulisan dalam bahasa Melayu.